



KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Kementerian Kewangan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL	TAJUK KERJA
1	No. Tender : MPK/JK 600-13/1/53(2020) MENAIKTARAF BANGUNAN DEWAN SEDIADA KEPADA PASAR BESAR / PASAR BORONG TELOK GONG DI JALAN TELOK GONG, KLANG

TARAF TENDER & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TAKLIMAT (TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT)	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
BERDAFTAR DENGAN CIDB GRED G4 KATEGORI CE & PENGKHUSUSAN CE21 & CE01 & SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) OLEH CIDB & BERDAFTAR DENGAN E-TENDER SELANGOR & UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)	TAKLIMAT (KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN) TARIKH : 27/03/2020 (JUMAAT) MASA PENDAFTARAN : 9.00-9.30 pg MASA TAKLIMAT : 9.30 pg TEMPAT : Mini Auditorium, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana. Nota : <i>Dokumen Tender hanya akan dijual kepada syarikat yang menghadiri taklimat / lawatan tapak sahaja.</i>	MULAI : 31/03/2020 (SELASA) Penjualan secara online * Sila kemaskini maklumat syarikat dalam laman web http://tender.selangor.gov.my untuk melancarkan proses pembelian dokumen.	TARIKH TUTUP : 20/04/2020 (ISNIN) JAM : 12.00 TENGAH HARI Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang Selangor Darul Ehsan Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan.

SYARAT-SYARAT :-

1. Setiap dokumen Tender dijual dengan harga **RM 250.00** secara online. Pembayaran boleh dibuat secara FPX, kredit kad dan debit kad.
2. Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **31 MAC 2020** di laman web <http://tender.selangor.gov.my> di setiap bahagian iklan yang dipamerkan.
3. Petender perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum pembelian Dokumen Tender dan mengemaskini maklumat pendaftaran **UPEN** dan **SPKK**. Sekiranya gagal berbuat demikian Petender adalah tidak layak untuk membeli dokumen Tender tersebut.
4. Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti tertera di atas.
5. Petender yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
6. Hanya **Penama** di dalam **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak.
7. Petender adalah diwajibkan untuk melaporkan diri dan menghadiri taklimat yang akan diadakan pada **27 MAC 2020** jam 9.00 - 9.30 pagi di Mini Auditorium, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana. Maklumat lawatan tapak akan dimaklumkan semasa taklimat.
8. Petender yang tidak menghadiri taklimat / lawatan tapak tidak layak untuk menyertai Tender.
9. Petender dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (**SPKK**) oleh **CIDB**, **kad pengenalan** dan **Cop Syarikat** semasa hari taklimat.
10. Petender perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender dan Syarat-syarat Membuat Tender di dalam Dokumen Tender sebelum mengemukakan Tender. Jika dokumen Tender yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, Dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
11. Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
12. Tarikh akhir penjualan Dokumen Tender adalah pada **19 APRIL 2020**. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian 03-3375 8014.

Disediakan oleh :

BAHAGIAN UKUR BAHAN
MAJLIS PERBANDARAN KLANG